# UPM KUKUH RANKING QS UNIVERSITI TERBAIK DUNIA KE-229 DAN KEKAL KEDUA TERBAIK NEGARA

Oleh: CoSComm, UPM

SERDANG, 8 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkukuhkan ranking ke-229 universiti terbaik dunia dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017/2018 hari ini dan mempertahankan kedudukan tahun lalu sebagai universiti kedua terbaik negara.

UPM membuat lonjakan 41 tangga berbanding kedudukan 270 pada tahun sebelumnya, iaitu kenaikan sebanyak empat tahun berturut-turut.

Naib Canselornya, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata menurut QS, daripada 26,000 universiti di dunia, UPM berada dalam kelompok satu peratus universiti-universiti terbaik dunia.

"UPM berjaya memperolehi skor tertinggi antara universiti tempatan bagi indikator International Student, selain peningkatan skor dalam tiga indikator lain iaitu Academic Reputation, Employer Reputation serta Faculty Students Ratio.

"Usaha UPM memperkuatkan fundamental universiti juga membuahkan hasil," katanya yang positif UPM boleh mencapai kedudukan 200 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020 seiring dengan matlamat Putra Global 200.

Beliau berkata selaras visi UPM untuk menjadi Universiti bereputasi antarabangsa, ranking QS membantu untuk menilai tahap visibiliti UPM terutama dalam aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

Prof Aini berkata usaha UPM memperbaiki beberapa indikator akan digandakan seperti strategi meningkatkan jumlah pensyarah antarabangsa dan meningkatkan kualiti akademik dan pelajar.

"Peningkatan kualiti kurikulum dan kebolehpasaran pelajar boleh meningkatkan jaringan dan reputasi pelajar UPM dengan industri yang merupakan bakal majikan.

"UPM juga memperkukuhkan aspek fundamental terutama kualiti penyelidikan akedemik dan bilangan penerbitan dalam jurnal terkemuka dengan bilangan sitasi penerbitan (citations).

"Warga universiti tidak boleh leka dan perlu mengekalkan momentum prestasi untuk melestarikan kecemerlangan kerana saingan dalam industri pendidikan tinggi amat sengit," katanya.

QS World University Rankings 2017/2018 membuat penilaian berdasarkan enam indikator iaitu Academic Reputation (40%), Employer Reputation (10%), Student to Faculty Ratio (20%), Citations per Faculty (20%), International Faculty (5%) dan International Students (5%). - UPM

Kemaskini:: 08/06/2017 [hairul_nizam]

B1499324599

LIHAT JUGA



Sukarelawan Siswa k
yatim
(/berita/sukarelawan_
aya_anak_yatim-320



MPP UPM edar Bubu
(/berita/mpp_upm_ec
rbuka-32032)




Jonathan, Saritha dir
Olahragawati UPM 2
(/berita/jonathan_sar
ahragawati_upm_20

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketi

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_kukuh_ranking_qs_universiti_terbaik_dunia_ke_229_dan_kekal_kedua_terbaik_negara-31765&title=UPM%20KUKUH%20RANKING%20QS%20UNIVERSITI%20TERBAIK%20DUNIA%20KE-229%20DAN%20KEKAL%20KEDUA%20TERBAIK%20NEGARA%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin) (/#email)

(/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

- KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
- Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)
- Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
- Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
- Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
- Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
- Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
- i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
- 1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)
- Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my)
- Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
- Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
- Statistik Transaksi Laman Web (http://www
- Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.
- Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/ 8202)
- Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/D
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu
- Dana Wakaf Ilmu (http://www.fund4knowle
- Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k
- Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/footnote/rss-29951) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2017 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1499324599